A

Pendakwa Raya lwn Rini Handayani

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO JA-43–19–06 TAHUN 2022
ABU BAKAR KATAR H
5 JULAI 2022

C

Prosedur Jenayah — Semakan — Semakan jenayah — Jaminan — Penjamin memohon untuk menarik diri tanpa kehadiran tertuduh di mahkamah — Sama ada majistret terkhilaf apabila membenarkan permohonan penjamin — Sama ada mahkamah wajar menggunakan kuasa semakan untuk mengakas perintah — Kanun Tatacara Jenayah ss 323 & 393

D

Tertuduh telah dipertuduh di mahkamah majistret untuk satu kesalahan di bawah s 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) yang mana boleh dihukum di bawah s 15(4) Akta yang sama.Tertuduh tidak mengaku bersalah atas pertuduhan dan sementara menunggu kesnya dilupuskan, tertuduh dibenarkan jaminan RM5,000 dan seorang penjamin warga Malaysia. Pada tarikh yang ditetapkan untuk perbicaraan, tertuduh tidak hadir di mahkamah. Penjamin yang menyedari tertuduh tidak hadir, membuat permohonan untuk menarik diri sebagai penjamin. Justeru, majistret telah membenarkan permohonan penjamin untuk menarik diri sebagai penjamin ('perintah tersebut'). Atas alasan majistret telah membenarkan permohonan penjamin untuk menarik diri tanpa kehadiran tertuduh di mahkamah, mahkamah ini memanggil rekod prosiding bagi tujuan semakan yang diperuntukan di bawah s 323 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah: (a) sama ada perintah yang dikeluarkan oleh majistret mengikuti peruntukan undang-undang; dan (b) jika tidak, apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh majistret.

E

F

G

Diputuskan, mengakas perintah majistret:

H

(1) Semasa majistret mengeluarkan perintah tersebut, tertuduh tidak menghadirkan diri ke mahkamah. Majistret terkhilaf apabila meneruskan permohonan penjamin tanpa kehadiran secara fizikal tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 393(3) KTJ. Majistret sepatutnya menyedari tertuduh tidak menghadirkan diri, mengeluarkan waran tangkap ke atas tertuduh bagi membolehkan dibawa ke hadapan mahkamah. Sebaik tertuduh hadir melalui pelaksanaan waran tangkap atau secara sukarela menghadirkan diri,

I

barulah majistret mendengar permohonan penjamin untuk menarik diri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 393 KTJ (lihat perenggan 15–16).

(2) Majistret telah mengeluarkan perintah tersebut secara terburu-buru tanpa terlebih dahulu menimbangkan tertuduh tidak menghadirkan dirinya pada tarikh tersebut. Majistret tidak boleh membelakangkan peruntukan undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen semasa menjalankan budi bicara kehakimannya. Perintah tersebut bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan mewajarkan mahkamah ini menggunakan kuasa yang ada di bawah s 323 KTJ untuk mengakaskan perintah tersebut (lihat perenggan 17).

(3) Dalam kes semakan ini, sebaik tertuduh tidak menghadirkan diri untuk perbicaraan, majistret sepatutnya mengeluarkan notis kepada penjamin dalam Borang 42, KTJ kepada penjamin. Majistret terkhilaf apabila gagal mengarahkan notis tunjuk sebab dikeluarkan ke atas penjamin di atas kegagalan memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah. Majistret sebaliknya meneruskan permohonan penjamin untuk menarik diri sebagai penjamin kepada tertuduh. Sebaik notis tunjuk sebab dikeluarkan dan diserahkan kepada penjamin, majistret bolehlah meneruskan pendengaran bagi tujuan untuk melucut hak wang jaminan yang diperuntukkan di bawah s 404 KTJ (lihat perenggan 19–20).

[English summary

The accused was charged at the magistrate court for an offense under s 15(1)(c) of the Immigration Act 1959/63 (Amendment 2002) which is punishable under s 15(4) of the same Act. The accused pleaded not guilty to the charge and pending the disposal of this case, the accused was allowed bail of RM5,000 and a Malaysian surety. On the date fixed for trial, the accused did not appear at court. A surety who realized the accused was not present, made an application to withdraw as a surety. Therefore, the magistrate has allowed the surety's application to withdraw as a surety ('the order'). On the grounds that the magistrate had allowed the surety's application to withdraw without the presence of the accused in court, this court summoned the record of the proceedings for the purpose of review provided for under s 323 of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). The issues raised for the court's consideration are: (a) whether the order issued by the magistrate follows the provisions of the law; and (b) if not, what action should be taken by the magistrate.

Held, reversing the order of the magistrate:

(1) When the magistrate issued the order, the accused did not appear in court. The magistrate erred when proceeding with the bail application without the physical presence of the accused as provided under s 393(3) CPC. The magistrate should have realised that the accused did not

appear, issued an arrest warrant for the accused to be brought before the court. Once the accused appears through the execution of an arrest warrant or voluntarily presents himself, then the magistrate hears the surety's application to withdraw as provided under s 393 of the CPC (see paras 15–16).

(2) The magistrate has issued the order hastily without first considering the accused's failure to appear on that date. Magistrates cannot turn their backs on the provisions of law enacted by Parliament when exercising their judicial discretion. The order contradicts the provisions of the law and justifies this court using the power available under s 323 of the CPC to enforce the order (see para 17).

(3) In this review case, once the accused does not appear for the trial, the magistrate should issue a notice to the surety in Form 42 of the CPC to the surety. The magistrate erred when he failed to order a show-cause notice to be issued on the surety for failing to ensure the attendance of the accused in court. The magistrate instead proceeded with the surety's application to withdraw as surety for the accused. Once a show-cause notice was issued and delivered to the surety, the magistrate may proceed with the hearing for the purpose of forfeiting the right to bail provided under s 404 KTJ (see paras 19–20).]

Kes-kes yang dirujuk

Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35, MA (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Trinth Tai Truck dan lain-lain [2022] MLJU 422; [2022] 1 LNS 491, MA (dirujuk)

Pendakwa Raya v Mohd Faisal bin Supa'at [2009] MLJU 182; [2009] 10 CLJ 560, MT (dirujuk)

Rohaya bte Abdullah & Anor v PP [2005] 2 MLJ 670; [2005] 5 CLJ 398, MT (diikut)

Siti Hazana bt Abdullah lwn Pendakwa Raya [2022] MLJU 583; [2022] 1 LNS 600, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Imigresen 1959/63 ss 15(1)(c), (4)

Kanun Tatacara Jenayah ss 323, 323(1), 393, 393(1), (2), (3), (4), 404, Borang 42

Mohd Shyafiq bin Mohd Ghazali (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pemohon.

Chua Chu Chien (Arissa Tan, Chien & Co) bagi pihak responden.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] Rini Handayani seorang warganegara Indonesia telah dituduh di Mahkamah Majistret, Mersing, Johor Darul Takzim atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

PERTUDUHAN:

> Bahawa kamu pada 18.5.2021, jam lebih kurang 6.00 pagi bertempat di rumah beralamat Nombor 2689, Jalan Kemuning, Taman Desa, 86900 Endau, Mersing di dalam Negeri Johor sebagai seorang bukan warganegara Malaysia yang memegang passport Indonesia Nombor X 410846, telah memasukki negara ini dengan passport yang sah tetapi tinggal melebihi tempoh masa yang dibenarkan selama 473 hari (dari 16.4.2020 sehingga 1.8.2021). Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) yang mana boleh dihukum di bawah s 15(4) Akta yang sama.

[2] Tertuduh tidak mengaku bersalah atas pertuduhan dan sementara menunggu kesnya dilupuskan, tertuduh dibenarkan jaminan RM5,000 dan seorang penjamin warga Malaysia.

[3] Kes tertuduh telah ditetapkan untuk sebutan beberapa kali dan akhirnya ditetapkan untuk perbicaraan di hadapan Puan majistret, Mahkamah Majistret, Mersing, Johor Darul Takzim ('Puan majistret') pada 23 Jun 2022. Pada tarikh yang ditetapkan untuk perbicaraan, tertuduh tidak hadir di Mahkamah.

[4] Penjamin yang menyedari tertuduh tidak hadir, membuat permohonan di hadapan Puan majistret itu untuk menarik diri sebagai penjamin. Kemudiannya, Puan majistret itu telah membenarkan permohonan penjamin untuk menarik diri sebagai penjamin. Puan majistret itu telah mengeluarkan waran tangkap ke atas tertuduh dan menetapkan pada 5 Julai 2022 untuk sebutan waran tangkap.

[5] Mahkamah ini mendapat makluman berkaitan Puan majistret itu membenarkan permohonan penjamin untuk menarik diri tanpa kehadiran tertuduh di mahkamah. Mahkamah ini memanggil rekod prosiding bagi tujuan semakan yang diperuntukan di bawah s 323 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ').

LATAR PENTAS KES

[6] Bagi memudahkan untuk memahami permohonan semakan jenayah ini, eloklah dibentangkan latar pentas kes pendakwaan seperti berikut: tertuduh telah ditangkap pada 18 Mei 2021 dan akhirnya pada 1 Ogos 2021 di hadapkan di hadapan Puan majistret itu untuk sebutan pertama kali. Ketika sebutan ini, tertuduh diwakili peguamnya iaitu En Chien. Tertuduh tidak mengaku bersalah atas pertuduhan.

[7] Tertuduh selanjutnya dibenarkan jaminan RM5,000 dan seorang penjamin warga Malaysia. En Chia Lee Chuan yang beralamat di No 9, Jalan Tenggiri 8, Taman Mutiara, 42800 Tanjung Sepat, Selangor Darul Ehsan telah bersetuju untuk menjadi penjamin kepada tertuduh.

[8] Kes tertuduh telah ditetapkan beberapa kali untuk pengurusan kes dan akhirnya Puan majistret itu menetapkan pada 23 Jun 2022 untuk perbicaraan. Pada 23 Jun 2022 kes tertuduh telah dipanggil di hadapan Puan majistret itu. Sebaik kes dipanggil, peguam yang mewakili tertuduh memaklumkan penjamin tidak dapat berhubung dengan tertuduh.

[9] Mahkamah ini berkesempatan menonton RVT, penjamin memaklumkan ada cuba menghubungi tertuduh tetapi gagal. Puan majistret itu telah bertanyakan kepada penjamin sama ada masih berhasrat untuk meneruskan sebagai penjamin kepada tertuduh. Puan majistret itu setelah mendengar peromohonan penjamin telah membenarkan penjamin menarik diri sebagai penjamin kepada tertuduh ('perintah tersebut').

MERIT PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH

[10] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan pemohon, eloklah diperturunkan peruntukan s 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[11] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case

A that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is:

> ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of
B treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

C **[12]** Berdasarkan prinsip undang-undang yang dirujuk di perenggan [11] di atas, mahkamah ini telah meneliti nota prosiding dan RVT di hadapan Puan majistret itu dan hujahan bertulis oleh TPR yang terpelajar, mahkamah ini berpendapat beberapa isu telah diketengahkan bagi tujuan semakan kes ini iaitu:

D (a) sama ada perintah tersebut yang dikeluarkan oleh majistret itu mengikuti peruntukan undang-undang; dan

(b) jika persoalan di (a) TIDAK, apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh Puan majistret itu.

E *Bagi isu (a)*

[13] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (a) dengan lebih lanjut, eloklah diperturunkan peruntukan undang-undang yang membenarkan penjamin memohon untuk tarik diri sebagai penjamin. Mahkamah ini merujuk
F peruntukan s 393(1), (2), (3) dan (4) KTJ yang secara jelas menyatakan tatacara yang wajib dipatuhi dalam menggarap permohonan penjamin untuk menarik diri sebagai penjamin. Peruntukan s 393 KTJ menyatakan seperti berikut:

G (1) All or any sureties for the attendance and appearance of a person released on bail may at any time apply to a Magistrate to discharge the bond either wholly or so far as relates to the applicants.

(2) On such application being made the Magistrate shall issue his warrant of arrest directing that the person so released be brought before him.

H (3) On the appearance of the person pursuant to the warrant, or on his voluntary surrender, the Magistrate shall direct the bond to be discharged, either wholly or so far as relates to the applicants, and shall call upon that person to find other sufficient sureties, and if he fails to do so may commit him to custody.

I (4) A surety may at any time arrest the person for whose attendance and appearance he is a surety and immediately bring him before a Magistrate, who shall then discharge that surety's bond and shall call on that person to find other sufficient surety, and if he fails to do so shall commit him to custody.

[14] Mahkamah ini berpeluang merujuk kes *Pendakwa Raya v Mohd Faisal bin Supa' at* [2009] MLJU 182; [2009] 10 CLJ 560 di mana YA Mohd Zawawi Salleh PK (sekarang Hakim Mahkamah Persekutuan) ada merumuskan prinsip undang-undang yang diperuntukkan di bawah s 393 KTJ. Beliau dalam penghakimannya telah memperincikan seperti berikut:

> [11] Prinsip undang-undang yang dapat dirumuskan daripada s 393 di atas bolehlah dinyatakan seperti berikut:
>
> (a) permohonan untuk melepaskan diri daripada menjadi penjamin hendaklah dibuat kepada seorang Majistret dan hanya Majistret sahaja yang boleh mengeluarkan waran tangkap supaya mengarahkan orang yang dilepaskan itu dibawa ke hadapannya, mengarahkan penjamin itu dilepaskan dan menyuruh orang itu mencari penjamin lain yang mencukupi dan jika tidak dapat berbuat demikian, tertuduh boleh dikomitkan dalam tahanan. Oleh itu, pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan satu perintah untuk menangkap semula tertuduh (lihat kes *Kundan Lal v Des Raj Multan Ram* AIR [1955] Punj 51 at 53);
>
> (b) *seksyen ini tidak membenarkan Majistret untuk melepaskan penjamin sebaik sahaja permohonan dibuat tanpa kehadiran seseorang yang dilepaskan dengan jaminan di mahkamah. Majistret hendaklah pertamanya mengeluarkan waran tangkap supaya mengarahkan orang yang dilepaskan dengan jaminan itu dibawa ke hadapannya. Hanya selepas kehadiran orang yang dilepaskan dengan jaminan itu dibawa di hadapannya menurut waran tangkap atau secara sukarela, barulah Majistret boleh melepaskan penjamin dan tidak sebelum itu. Pelepasan sebelum itu adalah tidak teratur ('irregular'). (Lihat kes Fateh Chand v Emperor* AIR [1940] sind 136; 41 Cr LJ 802);
>
> (c) apabila tertuduh menyerahkan diri kepada mahkamah atau dibawa ke hadapannya mengikut peruntukan seksyen ini, penjamin adalah ipso facto dilepaskan;
>
> (d) apabila terdapat lebih dari seorang penjamin, adalah tidak perlu bagi kesemua penjamin untuk membuat permohonan pelepasan. Hak ini diberikan kepada setiap penjamin secara individu;
>
> (e) adalah perlu diperhatikan bahawa di bawah sub-s 393(3), apabila tertuduh gagal untuk mencari penjamin lain, Majistret boleh ('may') mengkomitkannya di dalam tahanan. Peruntukan ini nampaknya memberi budibicara kepada Majistret tetapi alternatif lain yang terbuka kepada Majistret tidak dicadangkan dalam subseksyen ini;
>
> (f) mengikut sub-s 393(4), seseorang penjamin pada bila-bila masa boleh menangkap orang yang dijaminnya untuk hadir dan membawanya dengan segera ke hadapan Majistret; dan
>
> (g) apabila permohonan di bawah seksyen ini telah diterima oleh Majistret, beliau tidak mempunyai pilihan tetapi bertindak mengikut peruntukan s 393 dan persoalan pendengaran permohonan itu atas merit tidak berbangkit sama sekali. Heliliah Mohd Yusof H (sebagaimana beliau

ketika itu) berkata dalam kes *Rohaya bte Abdullah & Anor v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 670; [2004] 1 LNS 607:

> This application for a discharge which may be made at any time for whatever reason or for no reason at all than the desire to be relieved from further liability. Little demonstration is needed to prove that the existence of reasons or lack of reasons is immaterial. Under section (393(4)), where the surety arrests with a view to causing a discharge, the court shall discharge without more; and that must mean that no reasons will be asked by the court.
>
> And, therefore, it follows that to infer from the application of discharge that there must be circumstances raising the likelihood of the accused absconding would be wrong.

[15] Berbalik kepada kes semakan sekarang, semasa Puan majistret itu mengeluarkan perintah tersebut pada 23 Jun 2022, tertuduh tidak menghadirkan diri ke mahkamah. Puan majistret itu terkhilaf apabila meneruskan permohonan penjamin tanpa kehadiran secara fizikal tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 393(3) KTJ dan kes *Mohd Faizal Supa'at*.

[16] Puan majistret itu sepatutnya menyedari tertuduh tidak menghadirkan diri, mengeluarkan waran tangkap ke atas tertuduh bagi membolehkan dibawa ke hadapan mahkamah. Sebaik tertuduh hadir melalui pelaksanaaan waran tangkap atau secara suka rela menghadirkan diri, barulah Puan majistret itu mendengar permohonan penjamin untuk menarik diri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 393 KTJ itu. Mahkamah ini mendapat panduan yang amat berguna berkaitan tatacara permohonan tarik diri sebagai penjamin ada di rungkai dalam kes *Rohaya bte Abdullah & Anor v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 670; [2005] 5 CLJ 398 di mana YA Heliliah Mohd Yusoff H ada memperincikan seperti berikut:

> Discharge of Bond
>
> Section 393(iv) of the Criminal Procedure Code (CPC) provides, a surety may at any time arrest the person on whose behalf the bond was entered into and forthwith bring him before a court which shall thereupon discharge that surety's bond and shall call upon that person to find other sufficient sureties and, if he fails to do so, shall commit him to custody.
>
> But s 393(i) provides, in the alternative that when any person is required to execute a bond with sureties, any person who has entered into such a bond as surety may at any time apply to a court to discharge the bond either wholly or so far as relates to the applicant.
>
> This application for a discharge which may be made at any time may be made for whatever reason or for no reason at all than the desire to be relieved from further liability. Little demonstration is needed to prove that the existence of reasons or lack of reasons is immaterial. Under s (393(iv)), where the surety arrests with a view to

causing a discharge, the court shall discharge without more; and that must mean that no reasons will be asked by the court.

And, therefore, it follows that to infer from the application of discharge that there must be circumstances raising the likelihood of the accused absconding would be wrong.

On the appearance of such person pursuant to the warrant or on his voluntary appearance the court shall direct the bond to be discharged either wholly or so far as relates to the applicant and shall call on that person to find other sufficient sureties and, if he fails to do so, may commit him to custody.

[17] Mahkamah ini berpendapat Puan majistret itu semasa mengeluarkan perintah tersebut secara terburu-buru tanpa terlebih dahulu menimbangkan tertuduh tidak menghadirkan dirinya pada tarikh tersebut. Puan majistret itu tidak boleh membelakangkan peruntukan undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen semasa menjalankan budibicara kehakimannya. Mahkamah ini berpendapat perintah tersebut bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan mewajarkan mahkamah ini menggunakan kuasa yang ada di bawah s 323 KTJ untuk mengakaskan perintah tersebut.

Bagi isu (b)

[18] Memandangkan persoalan di (a) dijawab secara negatif, mahkamah ini akan menyentuh apakah tindakan yang boleh diambil oleh Puan majistret itu berkaitan kegagalan penjamin memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah setiap kali kes untuk pengurusan kes atau perbicaraan. Mahkamah ini berpendapat penjamin mempunyai tugas yang berat. Mahkamah ini ingin merujuk kes *Mohd Faizal Supa'at* di mana YA Hakim ada merujuk pandangan Donaldson CJ seperti berikut:

Ini adalah kerana obligasi seseorang penjamin untuk memastikan kehadiran seseorang yang dilepaskan dengan jaminan adalah berat dan tidak boleh dipandang ringan. Dalam kes *R v Waltham Forest Justices, ex parte Parfrey* [1980] Cr LJ 571, Donaldson CJ dalam menimbangkan obligasi seorang penjamin, membuat pemerhatian yang berikut:

> The obligation entered into by someone who enters into a recognizance as a surety is a very serious obligation indeed. I hope that nothing I say today will suggest the contrary. *There is an obligation on a surety to be fully satisfied that he or she can meet the liability which will arise if the accused person does not surrender to his bail. This failure to surrender is not a theoretical possibility, though a surety may think it is. The unhappy event of arrested persons not surrendering happens frequently. There is a real risk. Indeed it is difficult to conceive of a set of circumstances in which a surety can be absolutely sure that the accused will surrender to his bail. So let no one think that is an obligation which can be entered into lightly*.
>
> Furthermore, the burden of satisfying a court that the full sum should not be forfeit is a very heavy one, so again let no one think that they can simply appear

A before the magistrates and tell some hard luck story, whereupon the magistrates will say, 'Well, be more careful in future'. We are not dealing with that character of obligation at all.

B **[19]** Dalam kes semakan sekarang, sebaik tertuduh tidak menghadirkan diri untuk perbicaraan pada 23 Jun 2022, Puan majistret itu sepatutnya mengeluarkan notis Kepada penjamin dalam Borang 42, KTJ kepada penjamin iaitu Encik Chia Lee Chuan (sila rujuk kes *Siti Hazana bt Abdullah lwn Pendakwa Raya* [2022] MLJU 583; [2022] 1 LNS 600) Puan majistret itu terkhilaf apabila gagal mengarahkan notis tunjuk sebab dikeluarkan ke atas penjamin di atas kegagalan memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah. Puan majistret itu sebaliknya meneruskan permohonan penjamin untuk menarik diri sebagai penjamin kepada tertuduh merupakan seorang warga Indonesia.

D **[20]** Sebaik notis tunjuk sebab dikeluarkan dan diserahkan kepada penjamin, Puan majistret itu bolehlah meneruskan pendengaran bagi tujuan untuk melucut hak wang jaminan yang diperuntukkan di bawah s 404 KTJ. Mahkamah ini berkesempatan menyentuh tatacara melucuthak jaminan dalam kes *Pendakwa Raya lwn Trinth Tai Truck dan lain-lain* [2022] MLJU 422; [2022] 1 LNS 491 yang dihuraikan secara panjang lebar.

KESIMPULAN

F **[21]** Mahkamah ini berpendapat Puan majistret itu telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila mengeluarkan perintah tersebut yang bercanggah dengan peruntukan s 393 KTJ. Mahkamah ini menggunakan kuasa semakan yang ada dan mengakaskan perintah tersebut. Puan majistret itu diarahkan mengeluarkan notis tunjuk sebab (Borang 42, KTJ) kepada penjamin dan mematuhi prosedur undang-undang sebelum pendengaran melucuthak jaminan diputuskan kelak.

Perintah diakas.

Dilaporkan oleh K Selvaraju

H

I